



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/12/97 (HQ)

### BEKALAN ELEKTRIK DI SEBAHAGIAN JOHOR BAHRU SEMAKIN PULIH

Lebih 90 peratus kawasan yang terlibat dengan gangguan bekalan elektrik di sebahagian Johor Bahru akibat kerosakan Pencawang Masuk Utama (PMU) Perling yang turut melibatkan pencawang-pencawang elektrik di kawasan Bukit Indah yang terpelantik semalam telah mendapat bekalan.

Kerja-kerja memulih dan menyambung bekalan masih giat dijalankan dan kawasan yang terlibat akan mendapat bekalan elektrik secara berperingkat.

“Setakat jam 7:00 petang ini, kawasan yang masih belum mendapat bekalan elektrik adalah di Horizon Hill dan Bukit Indah. Ia melibatkan 9 pencawang elektrik (PE),” kata Pengurus Besar Kanan (Distribution Network), Bahagian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

Menurut Wan Nazmy, sebanyak 79 set janakuasa bergerak (genset) digunakan untuk menyambung bekalan elektrik ke sebahagian PE di kawasan terbabit.

“TNB kesal atas apa yang berlaku dan memahami kesulitan yang dihadapi pengguna. Kami akan berusaha untuk memulihkan bekalan elektrik sepenuhnya pada tengah malam hari ini atau selewat-lewatnya awal pagi esok,” kata Wan Nazmy.

Katanya bekalan elektrik akan dipulihkan melalui suablik dan janakuasa bergerak, sebaik keadaan selamat dan mengizinkan.

**Dikeluarkan di Johor Bahru, Johor pada 13 Disember 2017, jam 8.00 malam**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-341 8988) atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*